

07/02/2003

MPP Kuim bantu tingkat penggunaan bahasa Arab

Mohd Feroz Abu Bakar

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP), Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) akan membantu pihak pengurusannya membudayakan penggunaan bahasa Arab di institusi pengajian tinggi itu dan di kalangan orang awam.

Yang Dipertuanya, Nisar Mohammad Ahmad, berkata Kuim amat menekankan penggunaan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menggalakkan pelajar bertutur dan menulis dalam bahasa berkenaan sama ada

di dalam atau luar kelas.

Beliau berkata, matlamat jangka panjang MPP dan Kuim sendiri ialah membudayakan penggunaan bahasa Arab di kalangan masyarakat, bermula dengan

pelaksanaan bahasa berkenaan di peringkat kolej universiti itu.

"Selain Kuim dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan beberapa universiti lain serta kolej swasta mempunyai program bahasa Arab

di peringkat ijazah, diploma atau sebagai subjek pilihan.

"MPP bercadang mengadakan pertandingan debat atau pidato bahasa Arab di

kalangan institusi ini untuk meluaskan penggunaan bahasa Arab dan mengangkat nilainya dalam masyarakat.

"Ketika ini, orang ramai menganggap bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran,

tetapi kita boleh menyebarluaskan bahasa ini sebagai bahasa kedua, sama seperti peranan bahasa Inggeris," katanya ketika ditemui di Kampus Sementara Kuim, di Ampang, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Selain menganjurkan debat bahasa Arab, katanya, MPP Kuim seperti badan pelajar universiti lain juga memperjuang kebajikan mahasiswa, terutama mendapatkan penjelasan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional mengenai tajaan pengajian.

Beliau berkata, MPP Kuim juga akan menganjurkan seminar kepemimpinan pelajar antarabangsa memabitkan semua universiti negara ini dan beberapa di Asia.

Sementara itu, MPP Universiti Teknologi Mara (UiTM) menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan MPP Kuim bagi menganjurkan pertemuan pemimpin pelajar.

Yang Dipertuanya, Raja Restam Azrin Raja Jaafar, berkata seminar berkenaan penting untuk membina hubungan antara kepemimpinan pelajar negara ini dengan Asia Tenggara.

Sebagai persediaan, beliau berkata, MPP UiTM bercadang menghimpunkan semua MPP di 12 kampus cawangan bagi mengadakan mesyuarat bersama dengan menyatukan agenda untuk dibentangkan dalam Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan tahun ini.

"Seminar ini juga akan mengeluarkan resolusi keamanan bagi diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Resolusi ini kemudian akan diserahkan kepada delegasi Sidang Kemuncak

Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur untuk menyatakan pendirian sejuta rakyat Malaysia bahawa kita mahukan keamanan," katanya.

Raja Restam berkata, MPP UiTM juga akan menganjurkan lawatan sambil belajar ke universiti luar negara untuk melihat sendiri suasana pengajaran dan pembelajaran universiti terkemuka.

Dari segi kebajikan pelajar, MPP itu akan meneruskan perjuangan sebelum ini untuk menyelaras permohonan pelajar luar kampus yang layak menerima makanan percuma di kolej kediaman.